

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dr. Haji Izani bin Haji Husin
[Pengkalan Chepa]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2015

SOALAN : Dr. Haji Izani bin Haji Husin
[Pengkalan Chepa] minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan jumlah (tan per
tahun) keperluan daging Negara
mengikut negeri dan berapa
peratuskah sasaran dicapai.

Tuan Yang DiPertua,

Pada tahun 2015, keperluan daging dalam negara dianggarkan sebanyak 220.1 ribu metrik tan, iaitu peningkatan sebanyak 9,900 metrik tan (4.71%) berbanding 210.2 ribu tan metrik pada tahun 2014.

Bagi menampung keperluan tersebut, sebanyak 24% atau 52.1 ribu metrik tan adalah diunjurkan daripada pengeluaran tempatan manakala baki 76% atau 168 ribu metrik tan adalah dari sumber import.

Jika dilihat mengikut negeri, keperluan daging secara purata berada pada lingkungan 10 hingga 20 metrik tan setahun, kecuali bagi Negeri Selangor dan Johor yang mencatat permintaan yang agak tinggi iaitu masing-masing sebanyak 48.03 dan 29.06 metrik tan setahun.